

**MEDICATION GUIDE FOR THE PANDEMIC (H1N1) 2009 INFLUENZA
VACCINE**
**PANDUAN PERUBATAN UNTUK VAKSIN SELESEMA PANDEMIK (H1N1)
2009**

Panduan perubatan ini menyediakan maklumat tentang vaksin selesema pandemik Influenza A (H1N1-2009), siapa yang patut menerima vaksin, dan kesan sampingan biasa yang perlu diamati.

Vaksin H1N1 mempunyai profil keselamatan yang serupa dengan vaksin selesema bermusim, yang mempunyai rekod prestasi yang baik. Sehingga kini, vaksin H1N1 belum dikaitkan dengan mana-mana kejadian buruk yang tidak diduga. Konsensus umum ialah sebarang keadaan teruk yang serius seperti itu mungkin jarang berlaku. Pemantauan ke atas keberkesanan dan keselamatan vaksin dilakukan secara berterusan.

Ujian klinikal pada kanak-kanak masih giat dijalankan. Pihak berkuasa kesihatan akan mengkaji semula penggunaan vaksin pada kanak-kanak sebaik sahaja maklumat tentang keberkesanan dan keselamatannya pada kanak-kanak tersedia.

Untuk apakah vaksin ini? Siapa yang patut menerima vaksin ini?

Mendapatkan pemvaksinan adalah satu cara yang berkesan untuk membina kekebalan dan melindungi diri anda daripada virus H1N1.

Jenis baru Influenza A (H1N1), walaupun diketahui berjangkit, masih belum dilaporkan menyebabkan penyakit yang teruk kepada sebilangan besar pesakit yang dijangkitinya.

Walau bagaimanapun, individu yang menghidap penyakit kronik tersirat (cth. kencing manis, penyakit jantung, kegagalan ginjal, penyakit paru-paru, gangguan neurootot), kekebalan rendah dan wanita mengandung mungkin berisiko lebih tinggi mendapat komplikasi seperti pernafasan dan kegagalan jantung akibat radang paru-paru. Jika anda tergolong dalam mana-mana kumpulan berisiko tinggi ini, anda harus pertimbangkan untuk mendapatkan vaksin ini.

Siapa yang tidak harus mendapatkan vaksin atau perlu tunggu untuk menerimanya?

Jika anda mempunyai tindak balas alergi yang teruk selepas diberi satu dos vaksin selesema bermusim, atau alergi kepada makanan protein tinggi (seperti protein telur atau ayam), sila maklumkan kepada doktor anda, yang akan menasihati anda sama ada anda harus mendapatkan vaksin.

Anda hendaklah sihat sepenuhnya dari penyakit yang sederhana atau teruk sebelum menerima vaksin.

Apa yang harus saya beritahu doktor sebelum pemvaksinan saya?

Anda hendaklah memaklumkan doktor anda jika anda:

- Mendapat demam atau jangkitan. (Jika anda mendapat demam atau berasa tidak sihat, anda harus menangguhkan pemvaksinan anda);
- Telah menerima sebarang pemvaksinan (sama ada vaksin selesema bermusim atau mana-mana vaksin lain) sebelum ini;
- Telah dijangkiti virus selesema H1N1 sebelum ini;

MEDICATION GUIDE FOR THE PANDEMIC (H1N1) 2009 INFLUENZA VACCINE

PANDUAN PERUBATAN UNTUK VAKSIN SELESEMA PANDEMIK (H1N1) 2009

- Alergi kepada mana-mana ubat atau vaksin, atau makanan (cth. makanan berprotein tinggi seperti protein telur atau ayam);
- Menghidap penyakit lain;
- Sedang mengambil ubat lain;
- Sedang hamil.

Adakah saya akan mendapat keimunan segera selepas pemvaksinan? Berapa lama saya akan dilindungi?

Keimunan selepas pemvaksinan berbeza dari seorang ke seorang yang lain, tetapi secara umumnya anda akan mula mengeluarkan antibodi yang memberikan perlindungan selepas dua minggu. Ia akan melindungi majoriti orang untuk sekurang-kurangnya 6 bulan hingga setahun. Penting untuk mengetahui bahawa tiada vaksin yang memberikan perlindungan 100% kepada setiap orang yang mendapat pemvaksinan.

Vaksin ini hanya melindungi anda daripada virus selesema H1N1 2009. Anda masih boleh dijangkiti virus selesema bermusim yang lain. Sila berbincang dengan doktor anda jika anda juga ingin mengambil vaksin selesema bermusim.

Apakah kesan sampingan vaksin?

Kesan sampingan biasa pemvaksinan selesema seperti vaksin H1N1 termasuk kesakitan, kemerahan atau pembengkakan pada tempat penyuntikan. Kesan sampingan ini selalunya hilang dalam masa beberapa hari.

Kadang-kala, vaksin boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan “umum” yang lain seperti demam, sakit kepala, kepedihan dan kesakitan otot, atau ruam - kesan sampingan ini mungkin disebabkan oleh vaksin atau mungkin gejala penyakit kebetulan (cth. jangkitan virus). Sekali lagi, kesan sampingan ini selalunya hilang dalam masa beberapa hari. Sesetengah pesakit mungkin juga mengalami serangan demam secara tiba-tiba (demam yang diikuti oleh sawan).

Jarang sekali, vaksin menyebabkan tindak balas alergi yang teruk (atau anafilaksis). Pesakit mungkin berasa resah yang teruk, ruam kulit yang gatal, bengkak bibir dan muka atau sukar bernafas. Terdapat laporan di luar negara tentang kemungkinan kaitan antara pemvaksinan selesema dan sindrom Guillain-Barré (GBS), keadaan yang jarang-jarang berlaku dan kadang-kadang teruk yang menjejaskan urat saraf badan. Walau bagaimanapun, kaitan dengan pemvaksinan (termasuk vaksin ini) adalah tidak pasti.

Bagaimana boleh saya hilangkan ketidakselesaan kesan sampingan biasa pemvaksinan seperti demam, sakit dan bengkak?

Untuk melegakan demam dan kemungkinan kesakitan dari pemvaksinan, anda mungkin mahu:

- Mengambil parasetamol.
- Meletakkan kain sejuk yang basah di atas tempat suntikan untuk kesakitan, kemerahan atau bengkak.

Bilakah saya boleh tahu bahawa kesan sampingan adalah serius dan saya perlu berjumpa doktor?

MEDICATION GUIDE FOR THE PANDEMIC (H1N1) 2009 INFLUENZA VACCINE

PANDUAN PERUBATAN UNTUK VAKSIN SELESEMA PANDEMIK (H1N1) 2009

Sila berjumpa doktor jika anda mengalami mana-mana perkara berikut:

- Kesan sampingan berlanjutan selama lebih daripada beberapa hari.
- Demam anda adalah tinggi ($>38^{\circ}\text{C}$) atau berlanjutan lebih daripada 48 jam (2 hari) walaupun setelah mengambil parasetamol.
- Anda mengalami demam yang disertai dengan sawan.
- Anda mengalami tindak balas alergi yang teruk (atau anafilaksis) di mana anda mungkin berasa resah yang teruk, ruam kulit gatal, bengkak bibir dan muka atau sukar bernafas.

Jika anda rasa penyakit anda serius, anda perlu mendapatkan ambulans atau pergi terus ke jabatan kecemasan hospital.

Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Anda boleh menghubungi Talian Penting Kementerian Kesihatan (MOH) di nombor 1800-333 9999 sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai pemvaksinan pandemik dan kesan sampingan vaksin.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pandemik H1N1 dan vaksin pandemik H1N1, anda boleh juga melayari laman web MOH: <http://www.moh.gov.sg>